

07 JUL 1996

Mohamed-MT

LARANGAN KEMPEN MUNGKIN DALAM PINDAAN PERLEMBAGAAN UMNO

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Setiausaha Agung UMNO Datuk Mohamed Rahmat hari ini berkata keputusan Majlis Tertinggi (MT) parti melarang sebarang bentuk kempen dan menerima pencalonan secara "en bloc" pada pemilihan pucuk pimpinan parti, mungkin dijadikan sebahagian daripada Perlembagaan UMNO.

Jawatankuasa ad hoc pindaan perlembagaan parti yang sedang menyemak perlembagaan itu mungkin memberi pertimbangan untuk memasukkan keputusan MT semalam itu ke dalam pindaan yang akan dibuat nanti, katanya.

Jawatankuasa itu dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO.

Mohamed yang juga Menteri Penerangan semasa ditemui pemberita pada majlis Hari Keluarga kementerian itu di Taman Tasik Titiwangsa di sini, berkata keputusan mesyuarat MT semalam itu mendapat sokongan sebulat suara.

Dengan pelaksanaan sistem pencalonan secara "en bloc" itu persidangan perwakilan bahagian UMNO hanya perlu mengesahkan senarai nama anggota yang berdaftar untuk bertanding pada pemilihan pucuk pimpinan parti Oktober ini.

Beliau berkata keputusan itu adalah satu jalan terbaik dalam usaha mengelakkan terlalu banyak berkempen, politik wang, ugutan serta perbuatan fitnah-memfitnah yang boleh memecah-belahkan UMNO.

Beliau berkata dengan keputusan MT itu, semua anggota yang mendaftarkan diri dan didapati sah untuk dicalonkan tidak perlu lagi bimbang untuk mendapatkan pencalonan daripada bahagian-bahagian.

Mohamed menolak dakwaan kononnya keputusan MT itu hanya menguntungkan penyandang dan mereka yang mempunyai kedudukan dalam tampuk pemerintahan.

"Semua yang mendaftar diri mempunyai peluang yang sama dan sistem baru ini memberi perwakilan hak mereka untuk menentukan siapa yang patut dipilih," katanya.

Samasa ditanya sama ada terdapat kemungkinan yang calon-calon akan mencuba pendekatan atau taktik baru untuk memancing undi, Mohamed berkata: "Kita mempunyai banyak mata yang sentiasa melihat perkembangan dan harus diingatkan bahawa tindakan akan diambil terhadap sesiapa sahaja yang melanggari arahan parti."

Mengenai kemungkinan sistem baru itu akan menggalakkan lebih ramai anggota mendaftar diri untuk dicalonkan pada masa akan datang, beliau berkata anggota UMNO yang hendak bertanding tentu tahu kedudukan dan peluang masing-masing. -- BERNAMA

SJA NMO